


# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

18 MEI 2021  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	ELETIVE SURGERIES ON HOLD	2
HARIAN METRO	PENGGUNAAN KATIL CAPAI LEBIH 90 PERATUS	3
SINAR HARIAN	KADAR PENGGUNAAN KATIL MELEBIHI 90 PERATUS	4



# THE STAR

10 Nation

THE STAR 18 MEI 2021

## Elective surgeries on hold

Private hospitals in Johor offer backup to ease pressure

**By NELSON BENJAMIN**  
nelson@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Since last month, all elective surgeries in the state have been put on hold, except emergency operations or surgeries related to cancer.

State health and environment committee chairman R. Vidyananthan said this was an instruction from the Health Ministry as part of its measures in tackling the Covid-19 situation in the country.

He said that besides government hospitals, all Covid-19 patients

could seek help at 15 private hospitals while those in Category 1 could seek treatment at the low-risk quarantine and treatment centre in Pasir Gudang.

Category 1 covers asymptomatic patients.

Vidyananthan said as at May 15, ICU beds in all hospitals in the state were 90% occupied, with 82 Covid-19 patients, including 66 who needed ventilators.

He added that up to May 16, 154,499 people had sought treatment at Covid-19 Assessment Centres in the state, with 42,927 confirmed Covid-19 positive, 81,605

who were close contacts and 29,917 who had since been discharged.

He also said that since March 1, 61,277 people in the state had been fully vaccinated.

The second phase of the vaccination programme, which started on April 29, involves senior citizens, the disabled and those with chronic illness.

"So far, we have given 23,448 people the first dose under this category," said Vidyananthan.

He also urged the public not to be complacent as there had been a recent increase in the number of Covid-19 cases in the community


involving those carrying out social and religious activities who, however, failed to adhere to the standard operating procedure.

Many of these cases stemmed from meetings in enclosed areas and overcrowding.

"There have also been cases due to people who have gone out for karaoke, wedding banquets and exercising in groups," Vidyananthan added.

To date, Johor has recorded a total of 50,419 Covid-19 cases and 165 deaths.

There are currently 70 active clusters in the state.



# HARIAN METRO

## Penggunaan katil capai lebih 90 peratus

HARIAN METRO

18 MEI 2021

**Johor Bahru:** Penggunaan katil yang dikhushuskan untuk kes Covid-19 di wad dan Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital kerajaan di negeri ini sudah mencapai lebih 90 peratus, sekali gus menimbulkan kebimbangan berikut jumlah kes positif yang semakin meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyananthan berkata, setakat Sabtu lalu, 82 pesakit Covid-19 dirawat di ICU dengan 66 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Pesakit Covid-19 bagi kategori dua hingga lima masih boleh dirawat di hospital dengan menambah bilangan katil dan wad diperuntukkan khusus untuk pesakit pandemik ini."

"Walaupun sudah hampir

mencapai kapasiti maksimum, hospital di negeri ini tidak menolak pesakit bukan Covid-19 yang memerlukan rawatan seperti biasa," katanya pada kenyataan semalam.

Namun, menurut beliau, selaras dengan dasar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mulai pertengahan April lalu, semua pembedahan elektif sudah dihentikan kecuali pembedahan kecemasan dan pembedahan kes berkaitan baharai.

"Selain daripada hospital kerajaan, pesakit Covid-19 kategori satu hingga lima boleh memilih untuk mendapatkan rawatan di 15 hospital swasta.

"Pada masa sama, pesakit kategori satu juga boleh dirawat di PKRC Pasir Gudang

dan PKRC swasta, DB Complex, Iskandar Puteri," katanya.

Pada masa sama, Vidyananthan berkata, kebelakangan ini, Johor menyaksikan peningkatan kes Covid-19 yang dilaporkan dalam kalangan komuniti aktiviti sosial dan keagamaan yang tidak mematuhi prosedur standard operasi (SOP).

Menurut beliau, kebanyakannya kes positif dikesan aktiviti tidak mematuhi SOP dan amalan 3S iaitu ruang sempit, sesak dan sembang dekat.

Terdapat juga laporan penularan daripada aktiviti sosial keluarga seperti berkaraoke, kenduri kahwin dan aktiviti riadah secara berkumpulan yang tidak mematuhi SOP.

"Masyarakat dinasihati supaya terus kekal berwaspada serta mematuhi SOP pencegahan Covid-19 dengan mengamalkan 3W (wash, wear, warn) serta mengelakkan 3S," katanya.

Dalam pada itu, Vidyananthan berkata, sehingga Sabtu lalu, teredapat 74 kes dari Felda Kahang Timur yang positif Covid-19 dan mereka diantar ke hospital atau PKRC bagi tujuan rawatan selain pengasihan.

"Felda Kahang Timur berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 12 Mei dan dijangka tamat 25 Mei ini."

"Jumlah saringan yang dijalankan di Felda Kahang Timur pula 491 orang," katanya.



# SINAR HARIAN

24



**Sinar** NEGERI  
N.SEMBILAN

SINAR HARIAN 18 MEI 2021

## Kadar penggunaan katil melebihi 90 peratus

Peningkatan kes akibat aktiviti sosial, keagamaan tidak patuh SOP

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

**K**adar penggunaan katil yang dikhususkan untuk kes Covid-19 di wad dan unit rawatan rapi (ICU) hospital di Johor telah melebihi 90 peratus.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyananthan berkata, seramai 82 pesakit Covid-19 dirawat di ICU manakala 66 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Bagaimanapun katanya, wad


khas disediakan bagi memastikan pesakit Covid-19 kategori dua hingga lima dirawat.

“Selain daripada hospital kerajaan, pesakit Covid-19 kategori satu hingga lima boleh memilih untuk mendapatkan rawatan di 15 hospital swasta.

“Sementara bagi kategori satu boleh dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Pasir Gudang dan PKRC swasta iaitu DB Kompleks,” katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Sementara itu, beliau berkata sebanyak 224 kes baharu Covid-19 dilaporkan pada Ahad menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 50,419 kes.

Jelasnya, kumulatif kluster aktif pula sebanyak 70 kluster dan 22 kluster melibatkan penularan dalam



VIDYANANTHAN

industri dan 25 kluster di dalam komuniti.

Vidyananthan membezitahu, 16 kluster di dalam institut, dua kluster di pasar raya dan lima kluster melibatkan tahanan.

“Kebelakangan ini, Johor menunjukkan peningkatan kes Covid-19 yang dilaporkan dalam kalangan komuniti akibat aktiviti sosial dan keagamaan yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP),” katanya.

Menurutnya, masih ramai yang tidak mematuhi SOP dan amalan 3S iaitu mengelakkan ruang sempit, sesak dan sembang dalam jarak dekat.

“Selain itu terdapat juga pelaporan penularan dari aktiviti sosial keluarga seperti karaoke, kenduri kahwin dan aktiviti riadah yang lain secara berkumpulan,” katanya.

